

# HSBC's Reducing Term Assurance

Lindungi orang tersayang daripada liabiliti kewangan



**HSBC**

Opening up a world of opportunity

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Dapatkan insurans dengan HSBC's Reducing Term Assurance untuk melindungi keluarga anda daripada beban kewangan untuk membayar hutang sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku.



**Premium berkala yang Berpatutan dan Fleksibel**



**Perlindungan semasa tempoh pembinaan (sehingga 5 tahun) untuk Pembiayaan Perumahan**



**Perlindungan sekiranya berlaku Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan & Kekal (TPD)**



**Terpakai untuk Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan Premis Perniagaan**

## Mengapa anda perlu melindungi pinjaman anda

Apakah yang akan berlaku kepada hutang anda sekiranya anda meninggal dunia atau menjadi kurang upaya secara kekal?

### TANPA PERLINDUNGAN INSURANS

Keluarga anda mungkin menghadapi kesukaran untuk meneruskan bayaran pinjaman.



Pinjaman perumahan anda tidak dilindungi. Hutang lapuk boleh menyebabkan rumah anda dilelong.



### DENGAN PERLINDUNGAN INSURANS


Amaun Diinsuranskan akan digunakan untuk membayar baki pinjaman\*.



Hidup bebas daripada kerunsingan dengan jaminan hak milik rumah anda.



# Dapatkan perlindungan yang tepat bagi membantu mengurangkan liabiliti kewangan orang tersayang jika sesuatu yang tidak diduga berlaku kepada anda



\* Amaun diinsurankan mungkin atau mungkin tidak mencukupi untuk membayar jumlah tertunggak akibat kadar faedah tidak menentu dan/atau jika peminjam gagal membuat pembayaran bulannya. Peminjam harus memastikan bahawa amaun diinsurankan mencukupi untuk menampung jumlah tertunggak dari semasa ke semasa.

	Minimum	Maksimum
<b>Umur Kemasukan Orang yang Diinsurankan</b>	18 tahun	65 tahun
<b>Amaun Diinsurankan</b>	RM10,000	Tertakluk kepada pengunderaitan
<b>Umur Penamatan Maksimum</b>	Orang yang Diinsurankan mencecah usia 70 tahun hari jadi terdekat semasa ulang tahun polisi	

## Untuk mengetahui lebih lanjut

**Hubungi** 1300 88 1388

**Klik** [www.hsbc.com.my/rta](http://www.hsbc.com.my/rta)

**Kunjungi** cawangan HSBC terdekat anda

**Nota Penting:**

Anda dikehendaki menyerahkan hak polisi ini kepada HSBC Bank untuk memudahkan penyelesaian bayaran pinjaman / pembiayaan sekiranya berlaku Kematian atau TPD.

Pelan ini tidak akan menanggung kematian akibat bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau mana-mana Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian. Sekiranya kematian adalah akibat bunuh diri yang berlaku tempoh dua belas (12) bulan, polisi ini akan menjadi tidak sah dan kami akan membayar balik premium yang dibayar tanpa faedah di bawah polisi ini kepada Pemegang Polisi.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal hanya akan dibayar dengan syarat bahawa Orang yang Diinsuranskan terus menjadi hilang upaya secara kekal dan sepenuhnya selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut.

Tempoh polisi untuk pelan ini termasuk tempoh pembinaan, jika berkenaan.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat lengkap pelan ini.

Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika pemegang polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

Dokumen ini hanya untuk maklumat umum dan tidak bertujuan untuk memberi nasihat profesional. Anda harus mendapatkan nasihat profesional bergantung kepada keperluan. Anda harus membaca risalah, Lembaran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Jualan untuk maklumat lebih lanjut dan Kontrak Polisi untuk terma dan syarat lengkap pelan ini. Sila rujuk Pengurus Hubungan / Panduan Kewangan kami untuk pemahaman yang lebih tepat dan maklumat terperinci.

Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam risalah ini ditawarkan di Malaysia sahaja.

Diunderait oleh:

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983 (104248-X))**

Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM